



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu Menjadi
suatu Port Persekutuan 1978**

DR.16/1978

Naskah saheh—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengisytiharan suatu kawasan di Daerah Bintulu dalam Bahagian Keempat Negeri Sarawak menjadi suatu port persekutuan, mengenai pemindahan dan perletakan-hak kepada Kerajaan Persekutuan akan tanggungjawab bagi memajukan, mengawal dan mentadbir port itu dan mengenai semua perkara dan hal lain yang perlu baginya, bersampingan dengannya atau berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1978. Tajuk ringkas.
2. Dalam Akta ini, "Menteri" ertinya Menteri Persekutuan yang bertanggungjawab bagi port dan pelabuhan. Tafsiran.
3. Menteri boleh mulai dari tarikh yang ditetapkannya, dengan perintah dalam *Warta*, mengisytiharkan suatu kawasan dalam Daerah Bintulu dalam Bahagian Keempat Negeri Sarawak menjadi suatu port persekutuan bernama Port Bintulu. Pengisytiharan kawasan menjadi port persekutuan oleh Menteri.

Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab memajukan, mengawal dan mentadbir kawasan yang diisytiharkan menjadi port persekutuan.

Kerajaan Persekutuan hendaklah mengambil segala langkah dan tindakan dan melakukan segala perkara dan hal yang perlu bagi menjalankan, bersampingan atau berkaitan dengan menjalankan tanggungjawabnya.

4. Apabila sahaja Menteri mengisytiharkan di bawah seksyen 3 kawasan itu menjadi suatu port persekutuan, tanggungjawab bagi memajukan, mengawal dan mentadbir kawasan itu hendaklah dipindahkan dan diletakhak kepada Kerajaan Persekutuan.

5. Kerajaan Persekutuan boleh mengambil segala langkah dan tindakan dan melakukan segala perkara dan hal yang perlu bagi menjalankan, bersampingan atau berkaitan dengan menjalankan tanggungjawabnya di bawah Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan membuat peruntukan bagi mengisytiharkan suatu kawasan dalam Daerah Bintulu dalam Bahagian Keempat Negeri Sarawak menjadi suatu port persekutuan mengikut peruntukan-peruntukan Senarai 2A Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Fasal 3 membuat peruntukan bagi Menteri mengisytiharkan dengan perintah dalam *Warta* suatu kawasan dalam Daerah Bintulu dalam Bahagian Keempat Negeri Sarawak menjadi suatu port persekutuan yang akan dinamakan sebagai Port Bintulu. *Fasal 4* membuat peruntukan bagi memindahkan dan meletakhak kepada Kerajaan Persekutuan tanggungjawab bagi memajukan, mengawal dan mentadbir kawasan itu apabila ia diisytiharkan sebagai suatu port persekutuan. *Fasal 5* membolehkan Kerajaan Persekutuan mengambil segala langkah

dan tindakan dan melakukan segala perkara dan hal yang perlu bagi menjalankan, bersampingan atau berkaitan dengan menjalankan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan di bawah Rang Undang-undang ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan, yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 922.]

An Act to provide for the declaration of an area in the Bintulu District in the Fourth Division of the State of Sarawak to be a federal port, for the transfer to and vesting in the Federal Government of responsibility for the development, control and administration of such port and for all other matters and things necessary therefor, incidental thereto.

BE IT ENACTED by the Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong with the advice and consent of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in Parliament assembled, and by the authority of the Senate, as follows:

1. This Act may be cited as the **Bintulu Port Area in the Bintulu District in the Fourth Division of the State of Sarawak (Federal Port) Act 1975**.

2. In this Act, the Federal Minister charged with responsibility for ports and harbours.

3. The Minister may with effect from such date as he may specify, by order in the *Gazette*, declare an area in the Bintulu District in the Fourth Division of the State of Sarawak to be a federal port to be known as Bintulu Port.

4. On the Minister so declaring the area to be a federal port under section 3, the responsibility for the development, control and administration of that area shall be transferred to and vest in the Federal Government.

Declaration of area to be federal port by Minister

Federal Government to be responsible for development, control and administration of area declared to be federal port.